





- 11 Cikgu Norma sedang menampal \_\_\_\_\_ pada papan kenyataan di hadapan kelas.
- A jadual tugasan harian                      B jadual bertugas harian  
C jadual petugas harian                      D jadual tugas harian
- 12 “ \_\_\_\_\_ letakkan buku yang dibaca di tempat asal,” kata Cikgu Che Wan Muzafar kepada murid-muridnya.
- A Sila    B Tolong  
C Jangan    D Usah

**Soalan 13**

*Pilih ayat- ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- 13 I Syed memegang pada tali itu untuk mengelakkan daripada terjatuh ke dalam sungai itu.
- II Masyarakat Minang kuat memegang pada adat pepatih.
- III Mariam memegang tangan orang buta itu untuk melintas jalan.
- IV Semenjak memegang jawatan ketua kelas, Syamil semakin sombong.
- A I dan II    B II dan III  
C I dan IV    D III dan IV

- 14 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Emak membuang pinggan lama yang telah retak itu.

- A Pinggan yang retak itu telah lama dibuang oleh emak.  
B Pinggan yang telah lama retak itu dibuang oleh emak.  
C Pinggan lama yang telah retak itu dibuang oleh emak.  
D Pinggan yang retak lama itu telah dibuang oleh emak.

15 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Bagaimanakah cara untuk menarik pelancong datang ke negeri Terengganu?

- A Usaha menarik pelancong datang ke negeri Terengganu dilakukan oleh kerajaan negeri.
- B Promosi pelancongan itu diadakan untuk menarik pelancong ke negeri Terengganu.
- C Tarikan pelancong ke negeri Terengganu adalah dengan mengadakan promosi kerajaan negeri.
- D Kerajaan negeri mengadakan promosi pelancongan untuk menarik pelancong datang ke negeri Terengganu.

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 16 I Kami akan tiba di sana selewat-lewatnya pada petang ini.  
II Hal tersebut menjadi berita hangat di dalam semua akhbar.  
III Sungguh halus hasil tenunan kain songket Terengganu ini.  
IV Sebelum berpisah, mereka saling bertukar-tukar nombor telefon.
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV



**Soalan 17 hingga 20**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang saya hormati Tuan Guru Besar, guru-guru serta rakan-rakan seperjuangan. Selamat pagi saya ucapkan. Tajuk syarahan saya ialah “Langkah-langkah untuk Mengatasi Masalah Buli di Sekolah”.

Hadirin yang dihormati,

Belakangan ini, masalah buli sering diperkatakan. Masalah ini tidak sahaja menular dalam kalangan murid sekolah menengah malahan turut menular di sekolah rendah. Sekiranya ada laporan tentang kes buli, pihak sekolah perlu bertindak dengan segera. Kes buli yang serius perlu ditangani dengan lebih tegas, misalnya kes buli yang melibatkan *kecederaan fizikal*. Pihak sekolah tidak boleh teragak-agak untuk membuat keputusan. Murid-murid yang didapati terlibat dalam kes buli yang serius perlu dikenakan hukuman yang berat.

Ibu bapa turut berperanan untuk memantau setiap perubahan yang berlaku terhadap anak-anak mereka. Mangsa buli biasanya akan berubah menjadi seorang yang kemurungan. Sekiranya ibu bapa mengenal pasti anak mereka sebagai mangsa buli, mereka perlulah melaporkan perkara tersebut kepada pihak sekolah.

Selain itu, mangsa buli perlu menyedari peranan mereka. Mangsa buli tidak boleh berdiam diri. Mereka perlu tampil untuk membuat laporan kepada pihak sekolah. Dengan tindakan bijak ini, mereka yang bersalah akan menerima hukuman yang sepatutnya.

Hadirin yang budiman,

Walaupun masalah buli di sekolah-sekolah masih terkawal ketika ini, namun langkah yang berkesan perlu dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Tindakan tegas perlu dikenakan kepada murid yang membuli. Tindakan ini seelok-eloknya melibatkan pihak berwajib untuk diberi perhatian agar masalah buli ini dapat dibanteras sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

17 Rangkai kata *kecederaan fizikal* sama maksudnya dengan \_\_\_\_\_

- |   |                   |   |                                 |
|---|-------------------|---|---------------------------------|
| A | sakit kepala      | B | meninggal dunia                 |
| C | fikiran terganggu | D | tubuh badan mengalami luka-luka |

- 18 Mengapakah kejadian buli perlu diadakan kepada pihak sekolah?
- A Agar pihak sekolah tahu kewujudan kes buli di sekolah.
  - B Tindakan tegas dapat diambil terhadap pembuli.
  - C Mangsa dapat diberi rawatan segera.
  - D Pihak sekolah lebih prihatin akan keadaan murid-murid.
- 19 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Mangsa buli biasanya menjadi kemurungan.
  - B Kes buli berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah sahaja.
  - C Mangsa buli perlu berani untuk melawan.
  - D Pihak polis berkuasa untuk menghukum murid yang melanggar peraturan sekolah.
- 20 Mangsa buli biasanya akan berubah menjadi seorang yang berikut **kecuali**
- |             |            |
|-------------|------------|
| A pamarah   | B penyedih |
| C pendendam | D penyabar |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**BAHAGIAN B**

[30 markah]

**Soalan 21**

(a) *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian bulatkan kata adjektif yang terdapat dalam petikan itu.*

Suasana waktu pagi di kaki bukit itu sungguh nyaman. Seseekali kedengaran bunyi nyaring cengkerik hutan memecah kesunyian. Keadaan langit pada waktu pagi itu indah sekali. Hani memetik sekuntum bunga mawar lalu menciumnya. Alangkah harum bau bunga mawar itu. Selepas itu, dia memandang ke arah langit dan kemudian ke arah pepohon yang ada di hadapannya. Hani meraba perutnya. Perutnya terasa memulas-mulas. Agaknya dia terlalu banyak makan sambal petai dan ikan bilis yang agak pedas dimasak oleh nenek semalam.

[ 5 markah ]

(b) *Garisi jawapan yang betul dalam ayat di bawah.*

- (i) Kejadian rompakan itu berlaku ( bila, bilakah, bagaimanakah ) ?
- (ii) Ayah ( terhias, menghiasi, berhias ) keretanya dengan pelekat yang berwarna-warni.
- (iii) Jumlah pelancong yang datang ke negara kita semakin ( teramai, ramai, beramai ).
- (iv) Saya berasa ( kesal, sebak, serik ) kerana tidak mahu belajar dengan bersungguh-sungguh pada tahun lalu.
- (v) ( Wah, Amboi, Eh ), bergaya sungguh kamu hari ini!

[ 5 markah ]



**Soalan 22**


*Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.*

(i) Kamisah menggunakan _____ semasa membuat bingkai gambar.		lelangit
(ii) _____ Alia luka dan berdarah akibat tertusuk tulang ikan.		gegelang
(iii) Penduduk kampung bergotong-royong mendirikan _____ untuk majlis keramaian yang akan diadakan.		bebalai
(iv) Memelihara _____ sebagai haiwan kesayangan semakin popular pada masa kini.		sesiku
(v) Planet Zuhal mempunyai beberapa _____ yang melingkari planet tersebut.		sesumpah

[ 5 markah ]

**Soalan 23**

*Tulis kata kerja yang sesuai untuk melengkapkan ayat pada tempat kosong berdasarkan carta alir.*






Aziz ke bank untuk menambahkan simpanannya. Dia terus ke kaunter giliran untuk \_\_\_\_\_ nombor giliran. Kemudian, Aziz mengambil borang dan \_\_\_\_\_ borang tersebut. Selepas itu, dia duduk di kerusi yang disediakan sambil \_\_\_\_\_ nombor gilirannya dipanggil. Setelah 15 minit, tibalah giliran Aziz.

Aziz segera menuju ke kaunter lalu \_\_\_\_\_ buku banknya kepada pegawai bank. Pegawai bank itu meminta dia \_\_\_\_\_ cap ibu jarinya. Aziz menyerahkan duit simpanannya dan diserahkan kepada pegawai bank untuk disimpan. Urusan Aziz di bank telah pun selesai dan dia bertekad untuk menambahkan simpanannya pada setiap bulan.

[ 5 markah ]

#### Soalan 24

Lihat poster di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat yang lengkap.

	<b>PERTANDINGAN MELUKIS POSTER</b> <b>TEMA : SEHATI SEJIWA</b>
	Anjuran : Perpustakaan Awam Negeri Terengganu
	Tempat : Pekarangan Perpustakaan Negeri
	Tarikh : 21 Julai 2018
	Masa : 8:00 pagi hingga 11:00 pagi
	Tujuan : Memupuk kecintaan terhadap negara kita Malaysia dan menyerlahkan bakat dalam bidang melukis.
	Kategori : Murid sekolah rendah ( Kategori murid tahap dua)
Hadiah pertama : RM500 Hadiah kedua : RM300 Hadiah ketiga : RM100	
Borang penyertaan boleh didapati di Laman sesawang Perpustakaan Awam Negeri Terengganu di <a href="http://www.trglib.gov.my">www.trglib.gov.my</a>	

- (a) Nyatakan murid yang layak menyertai pertandingan tersebut.

\_\_\_\_\_ [ 1 markah ]

- (b) Apakah matlamat utama pertandingan ini diadakan?

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [ 2 markah ]

- (c) Sekiranya kamu menyertai pertandingan ini, apakah matlamat utama kamu dalam pertandingan ini?

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [ 2 markah ]

**Soalan 25**

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat yang lengkap.



Pergi ke pasar bersama Ani,  
 Singgah sebentar membeli sikat;  
 Telefon bimbit ciptaan terkini,  
 Menghubungkan manusia jauh dan dekat.

Petang hari ke rumah nenek,  
 Singgah sebentar di tepi tasik;  
 Komputer dilengkapi jaringan Internet,  
 Menaip dengan pantas dan cantik.

Pergi ke kebun membina batas,  
 Sambil itu memetik pegaga;  
 Mencuci pakaian dengan pantas,  
 Menjimatkan masa juga tenaga.

Hari Sabtu pergi ke bandar,  
 Hendak membeli tali tangsi;  
 Monorel alat pengangkutan antara bandar,  
 Selesa dan cepat tiba ke destinasi.

- (a) Telefon bimbit penting kepada kita kerana \_\_\_\_\_

[ 1 markah ]

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang **betul** dan ( X ) bagi pernyataan yang **salah**.

Kita dapat melayari Internet serta memperoleh maklumat yang sedikit dengan mudah.	
Menggunakan mesin basuh boleh menjimatkan tenaga dan air serta menjadikan pakaian cepat kering.	

[ 2 markah ]

- (c) Monorel merupakan sistem pengangkutan utama yang digunakan oleh orang ramai untuk ke bandar. Mengapa?

---

---

---

[ 2 markah ]

### KERTAS SOALAN TAMAT